



**SAMPAIKAN:** Raman (tengah) menyampaikan kurma kepada salah seorang wakil kolej kediaman sambil disaksikan Raffie (kiri).

## JHEP sumbang 300 pek juadah iftar, agih 5,000 kurma kepada pelajar

**U B 30.04.2022 P.08**

**KOTAKINABALU:** Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) memberikan sumbangan sebanyak 300 pek juadah iftar kepada pelajar UMS, baru-baru ini.

Ketua JHEP Mohd. Raffie Hj. Janau berkata, sumbangan tersebut sebagai tanda sokongan dan keprihatinan terhadap para pelajar yang terpaksa berjauhan dengan keluarga sepanjang menjalankan ibadah puasa di bulan Ramadan al-Mubarak.

“Pihak JHEP akan sentiasa menyokong program-program untuk kebaikan pelajar dan usaha seumpama ini perlu diteruskan pada masa-masa akan datang.

“Pada sumbangan kali ini, kita telah meminta bantuan pihak Masjid UMS untuk menyelaraskan agihan sumbangan kepada para pelajar,” katanya dalam satu kenyataan, di sini kelmarin.

Dalam perkembangan lain, JHEP juga turut mengadakan

pengagihan kurma kepada kira-kira 5,000 pelajar kolej kediaman di kampus Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan.

Agihan disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Raman Noordin melalui pengetua-pengetua kolej kediaman semasa Majlis Iftar Bersama Pimpinan Pelajar di Anjung Siswa UMS, baru-baru ini.

Turut hadir Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Eliezer Navell Anthony, Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti, Ketua-ketua Bahagian serta sukarelawan JHEP.

Majlis tersebut antara lain bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara barisan kepimpinan pelajar yang terdiri daripada MPP, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman, dan Persatuan Mahasiswa Fakulti.